KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	3/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Video lama viral

JPNP jawab isu berkaitan bekas Ketua Pengarah PTG

Oleh Suzalina Halid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) mengesahkan kelulusan kebenaran mengeluarkan kayu di tanah milik yang dikaitkan dengan bekas Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Datuk Seri Azemi Kasim, sudah ditarik semula.

Pengarahnya, Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, video yang ditularkan yang memaparkan Azemi sebagai pelesen itu adalah video lama pada September lalu yang disebarkan kembali.

Mengulas lanjut, katanya, JPNP tidak menerima sebarang maklumat ada aktiviti terbabit di kawasan berkenaan ketika ini.

"Ia video lama yang mana aktiviti itu berlaku dalam tanah milik dan jabatan perhutanan cuma berikan kebenaran untuk beliau (Azemi) mengeluarkan kayu.

"Namun, kami sudah menarik semula kelulusan kebenaran mengeluarkan kayu dan menggunakan hutan simpan sebagai laluan," katanya.

Melalui video berdurasi seminit 36 saat itu, ia memaparkan aktiviti pembalakan dengan seorang wanita mempertikaikan mengenai individu dikenali sebagai Datuk Seri Azemi Kasim sebagai pelesen.



VIDEO lama yang disebarkan kembali.

Pada masa sama, Mohd Hizamri berkata, isu pembalakan di kawasan Hutan Simpan Lentang yang ditularkan sebenarnya adalah kawasan lesen pembersihan hutan berstatus tanah milik yang terletak dalam daerah Bentong dengan keluasan kira-kira 3.59 hektar.

> "Kawasan lesen ini pernah ditularkan sebuah NGO pada 30 Oktober 2020
> Mohd Hizamri

Beliau berkata, kawasan lesen ini pernah ditularkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada 30 Oktober 2020 berkaitan pencemaran Sungai Kenoi berhampiran sebuah resort akibat aktiviti pembinaan jalan pengeluaran ke kawasan lesen ini.

"JPNP yang meluluskan lesen ini pada 15 Oktober 2020 sebelum kemudiannya mengambil tindakan untuk menghentikan kerja sementara kepada pelesen pada 30 Oktober 2020.

"Selepas mengambil kira beberapa faktor, jabatan mengambil keputusan untuk membatalkan lesen pengeluaran balak bagi kawasan lesen ini.

"Bagaimanapun, pelesen masih boleh melaksanakan aktiviti tebangan pokok kerana kawasan ini berstatus tanah milik," katanya.

Beliau berkata, JPNP juga menasihati pelesen supaya sentiasa mengambil langkah keselamatan semasa proses penebangan bagi mengelakkan bencana yang tidak diingini.